



KENYATAAN TENDER

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Kenyataan Tender
Kementerian Pengangkutan Malaysia (13 Disember 2024)



Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

TAJUK PROJEK	TARAF / JENIS SYARIKAT	GRED, KATEGORI & PENGKhususan, TAJUK & TAJUK KECIK, KEPALA & SUB KEPALA	TARIKH IKLAN/ TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER TUTUP
<u>NOMBOR TENDER:</u> MOT/TP/3/2024 <u>TAJUK PROJEK:</u> Pra-kelayakan Untuk Kerja-Kerja Penstabilan Dan Re-Profile Cerun-Cerun Di Landasan Keretapi Negeri Pahang (Mentakab – Merapoh)	Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	Seperti di bawah	<u>TARIKH IKLAN:</u> 13 Disember 2024 (Jumaat) <u>TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL:</u> Bahagian Perolehan Dan Kewangan Aras 6, Kementerian Pengangkutan Malaysia, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya <u>TARIKH DAN MASA DOKUMEN DIJUAL:</u> i. 16 Disember 2024 hingga 20 Disember 2024; dan ii. 2 Januari 2025 hingga 10 Januari 2025	<u>HARGA DOKUMEN:</u> RM50.00 (Tidak Akan Dikembalikan) <u>BAYARAN ATAS NAMA:</u> AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-MOT-T	<u>TARIKH TUTUP TENDER:</u> 13 Januari 2025 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari <u>TEMPAT TUTUP TENDER:</u> Bahagian Perolehan Dan Kewangan Aras 6, Kementerian Pengangkutan Malaysia, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya

Gred, Kategori & Pengkhususan, Tajuk & Tajuk Kecil, Kepala & Sub Kepala

i) Pendaftaran Kontraktor:

- (a) Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan.
- (b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut:
 - (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) **Gred G7**;
dan
 - (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam:
Kategori: CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)
Pengkhususan:
CE08 (Sistem Perlindungan Cerun)
CE10 (Kerja Cerucuk)
CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)
CE36 (Kerja Tanah)
(KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN)

atau

Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam:
Kelas A
Tajuk I (Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam);
Tajuk Kecil 1 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam) dan Tajuk Kecil 6(b) (Dinding, Gegendang dan Tambatan pada Tanah).
Tajuk IV (Kerja-kerja Lain Pakar Kejuruteraan Awam);
Tajuk Kecil 1 (Kerja-kerja Tanah), Tajuk Kecil 2 (Kerja-kerja Cerucuk) dan Tajuk Kecil 10 (Pelbagai).

atau

Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam:
Kelas A
Kepala I: Civil Engineering Works;
Sub Kepala 1 (General Civil Engineering Works including Piling) dan Sub Kepala 5a (Other Specialist Engineering works – Geotechnical works).
Kepala III: Roadworks/Earthworks;
Sub Kepala 1 (Earthwork).

dan
 - (iii) Mempunyai sijil SCORE CIDB dengan minimum 3 Bintang.

Perkara b) i. hingga iii. di atas hendaklah masih sah berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan Pra-kelayakan.

Kebenaran Khas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau PUKONSA atau UPKJ untuk Kategori dan Pengkhususan yang telah ditetapkan adalah **TIDAK DITERIMA**.

Kontraktor berdaftar yang **telah digantung** oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau PUKONSA atau UPKJ adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra-kelayakan ini.

ii) **Keupayaan Kontraktor:**

(a) **Keupayaan Kewangan:**

Mempunyai *nett worth* **melebihi 20% dari NTBK** atau Modal Pusingan (*working capital*) **melebihi 10% dari NTBK** atau Modal Mudah Cair **melebihi 3% dari NTBK**.

NILAI TAHUNAN BEBANAN KERJA (NTBK) adalah NILAI TAHUNAN KERJA projek yang dicadangkan campur NILAI BAKI KERJA projek-projek semasa yang belum disiapkan.

(b) **Keupayaan Teknikal**

- (i) Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja (dalam tempoh 5 tahun) yang telah disiapkan dengan jayanya hendaklah melebihi **30% dari NTBK**;
- (ii) Mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu yang **SERUPA dan SEBANDING** dengan skop kerja dalam tempoh lima (5) tahun lepas serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama serta melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan/Swasta; dan
- (iii) Tidak mempunyai kerja semasa yang **SAKIT** dan tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan projek dan kualiti kerja.

iii) **Perunding Kontraktor :**

Kontraktor dikehendaki melantik firma perunding yang bertauliah dalam bidang Kejuruteraan Awam, Jurukur Tanah, Juruukur Bahan dan/atau Geologis dan merupakan firma perunding yang bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut:

- (a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan;
- (b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan
- (c) Berpengalaman dalam kerja-kerja pembinaan cerun.

Catatan: Perkara (iii) akan terpakai sekiranya kontraktor terpilih di peringkat Pra-kelayakan.

Urusan Penilaian Dokumen Tender akan dilaksanakan berdasarkan ketetapan seperti berikut:

- i) Dokumen Pra-kelayakan akan dijual di pejabat:

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN
ARAS 6, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA,
NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Dari **16 Disember 2024 hingga 20 Disember 2024 & 2 Januari 2025 hingga 12 Januari 2025** semasa waktu pejabat seperti waktu berikut:

Hari	Masa
Isnin hingga Khamis	9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
Jumaat	9.00 pagi hingga 11.45 pagi

- ii) Dokumen Pra-kelayakan akan hanya diserahkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran CIDB dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal dan surat wakil kuasa.
- iii) Harga dokumen ialah RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama “**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-MOT-T**”. Bayaran bagi dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- iv) Satu salinan “Naskah Meja Dokumen Pra-kelayakan” akan dipamerkan di Aras 6, Bahagian Perolehan dan Kewangan, Kementerian Pengangkutan Malaysia **mulai 13 Disember 2024** bagi membolehkan petender menyemak dokumen tersebut sebelum membuat pembelian.
- v) Dokumen Pra-kelayakan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN
ARAS 6, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA,
NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Tawaran Yang Lewat Tidak Akan Diterima

Semua tender mestilah dimasukkan ke dalam peti tender pada tarikh tutup iaitu 13 Januari 2025 sebelum jam 12.00 tengahari.

Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran.